

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengukur Penyesuaian remaja yang beribu bekerja dan yang tidak beribu bekerja. Penyesuaian yang dikaji ini merangkumii dua kategori iaitu, Penyesuaian sosial dan Penyesuaian Peribadi. Penyesuaian Peribadi terdiri daripada komponen Kepercayaan Kendiri, Rasa Harga Diri, Rasa Kebebasan Diri, Perasaan Termilik, Kecenderungan Menarik Diri dan Tanda-Tanda Kegugupan. Penyesuaian Sosial pula terdiri daripada komponen Standard Sosial, Kemahiran Sosial, Kecenderungan Anti-Sosial, Hubungan Keluarga, Hubungan Sekolah dan Hubungan Komuniti.

Kajian ini juga mengenalpasti perbezaan pencapaian akademik antara kumpulan remaja perempuan dan lelaki yang beribu bekerja dan remaja ibu tidak bekerja. Sebanyak tujuh soalan kajian dibentuk untuk membantu pengumpulan data. Program 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS PC+) digunakan untuk menganalisis data kajian ini. Ujian ANOVA satu-hala dan Ujian ANOVA dua-hala digunakan untuk menganalisis data.

Subjek kajian terdiri daripada dua ratus empat puluh remaja Cina yang melibatkan seratus dua puluh remaja perempuan dan lelaki yang beribu bekerja dan seratus dua puluh remaja lelaki dan perempuan yang ibunya tidak bekerja. Remaja ini dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu kumpulan remaja perempuan ibu bekerja, kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja. Kesemua remaja ini terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat.

Dalam kajian ini, instrumen *California Test Of Personality* yang telah diubahsuai dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu digunakan untuk mengukur Penyesuaian remaja. Maklumat latar belakang remaja diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik Maklumat Latar Belakang.

Dapatan Kajian

- a) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam Penyesuaian antara empat kumpulan yang dikaji. Penyesuaian kumpulan remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.
- b) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam Penyesuaian Sosial antara empat kumpulan yang dikaji. Penyesuaian Sosial kumpulan remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.
- c) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam komponen Rasa Kebebasan Diri antara empat kumpulan yang dikaji. Rasa Kebebasan Diri remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.

- d) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam komponen Standard Sosial antara empat kumpulan yang dikaji. Standard Sosial remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.
- e) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam komponen Hubungan Sekolah antara empat kumpulan yang dikaji. Hubungan Sekolah kumpulan remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.
- f) Terdapat perbezaan yang signifikan dalam komponen Hubungan Komuniti antara empat kumpulan yang dikaji. Hubungan Komuniti kumpulan remaja perempuan ibu bekerja didapati rendah berbanding dengan kumpulan remaja perempuan ibu tidak bekerja, kumpulan remaja lelaki ibu bekerja dan kumpulan remaja lelaki ibu tidak bekerja.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap Penyesuaian remaja perempuan ibu bekerja berada pada tahap yang paling rendah dalam Penyesuaian Sosial, komponen Rasa Kebebasan Diri, Standard Sosial, Hubungan Sekolah dan Hubungan Komuniti. Pekerjaan ibu tidak ada kaitan dengan pencapaian akademik remaja kumpulan ibu bekerja dan tidak bekerja.

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the relationship between maternal employment and adolescent Adjustment. Adjustment in this research divided into two category, that is Personal Adjustment and Social Adjustment. Personal Adjustment has six sub-scales, namely Self Reliance, Sense Of Personal Worth, Sense Of Personal Freedom, Sense Of Belonging, and Withdrawing Tendencies. Social Adjustment refers to Social Standards, Social Skills, Anti-Social Tendencies, Family Relations, School Relations and Community Relations.

The academic achievement of adolescents of working and non-working mothers also compared. Seven research questions were formulated to assist this study. *Statistical Package for Social Sciences (SPSS PC+)* programme were employed to analyse the research findings. One-Way and Two-Way ANOVA test were used to analyse the data gathered in this research.

Two-hundred and forty Chinese male and female adolescents were the sample for this study. They were a hundred and twenty male and female adolescents of working mothers and a hundred and twenty male and female adolescents of non-working mothers. They were divided into four groups. All the adolescents were in Form Four.

The Bahasa Melayu version of *California Test of Personality* were used.. Background information of the adolescent were gathered with a "Background Questionnaire" form.

Findings

- a) Significant difference was found in Adjustment between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.

- b) Significant difference was found in Personal Freedom between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.

- c) Significant difference was found in Social Adjustment between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.

- d) Significant difference was found in Social Standard between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.

- d) Significant difference was found in School Relations between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.
- f) Significant difference was found in Community Relations between the four groups in this study. Female adolescents of working mothers were less adjusted compared to female adolescents of non-working mothers, male adolescents of working and non-working mothers.

In conclusion, findings of these study show female adolescents of working mothers were less adjusted in the area of Adjustment especially in subscales Personal Freedom, Social Adjustment, Social Standard, School and Community Relations. Maternal employment had no relationship in the academic achievement of the adolescents of working and non-working adolescents.